

19 JULAI 2017



Syarah
CenPRIS - Dato' Jenaton



MASYARAKAT ARAB DI PULAU PINANG:

DI ANTARA ARABISASI DAN ISLAMISASI

Syarah oleh

Prof Emeritus

Omar Farouk Bajunid

Mengenai

Syarahan Cenpris – Dato’ Jenaton


CenPRIS Dato’ Jenaton Lectures

Siri Syarahan Cenpris-Dato’ Jenaton bertujuan berkongsi dan merakamkan cerita-cerita mengenai kehidupan dan pemikiran masyarakat Melayu-Islam di Pulau Pinang. Ia menjemput individu sebagai sumber sejarah dan penceramah dari pelbagai latarbelakang dan bidang untuk bercerita, mentafsir, dan menggalakan sejarah dan warisan Melayu serta pertembungan Melayu-Islam dengan budaya-budaya dan etnisiti dalam dan luar rantau kepulauan Melayu.

Syarahan Cenpris – Dato’ Jenaton

Dianjurkan oleh Pusat Penyelidikan Dasar dan Kajian Antarabangsa [CenPRIS], Universiti Sains Malaysia, dengan kerjasama Keluarga Dato’ Jenaton [K-Jenaton], Persatuan Sejarah dan Warisan Melayu Pulau Pinang [PEWARISAN] dan Unit Sejarah Lisan, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia.

BIODATA



Prof Emeritus Omar Farouk Bajunid

Omar Farouk Bajunid lulus dari Universiti Malaya pada tahun 1975 dengan meraih Ijazah Sarjana Muda Sastera Kelas Pertama didalam bidang Sejarah. Beliau mendapat Ijazah Doktor Falsafah dari University of Kent at Canterbury di England dalam bidang Politik dan Kerajaan pada tahun 1981. Seterusnya beliau kembali mengajar di Universiti Malaya sebelum berpindah ke Jepun. Omar Farouk menerima anugerah Profesor Emeritus dari Hiroshima City University pada tahun 2012. Semenjak 2014 beliau bertugas di Pusat Penyelidikan Dasar dan Pengajian Antarabangsa, Universiti Sains Malaysia.

Aturcara Majlis

19 JULAI 2017

Bilik Mesyuarat
Pusat Penyelidikan Dasar dan Kajian Antarabangsa (CenPRIS)
Universiti Sains Malaysia
Pulau Pinang

.....

3.00petang : Ketibaan Para Jemputan dan Pendaftaran

3.30petang : Kata-kata aluan Pengarah CenPRIS
Prof. Madya Dr. Azeem Fazwan Ahmad Farouk

3.35petang : Pengenalan kepada penceramah
Prof. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican
Konvenor Syarahan CenPRIS-Dato' Jenaton

3.50petang : Syarahan *Prof. Emeritus Omar Farouk Bajunid*
(Ahli Fakulti di Pusat Penyelidikan Dasar dan Kajian
Antarabangsa (CenPRIS), Universiti Sains Malaysia)

4.30petang : Sesi Interaksi

5.00petang : Majlis Bersurai

Masyarakat Arab di Pulau Pinang : Diantara Arabisasi dan Islamisasi

oleh

Prof. Emeritus Omar Farouk Bajunid

*Ahli Fakulti di Pusat Penyelidikan Dasar dan Kajian Antarabangsa (CenPRIS),
Universiti Sains Malaysia*


Pengenalan

Sebarang usaha untuk mengenali dan memahami Masyarakat Arab di Pulau Pinang harus bermula dengan kupasan siapa itu Masyarakat Arab terutamanya kerana terdapat pelbagai cara identiti Arab boleh ditakrifkan. Malah lazim terdapat kekeliruan tentang siapa itu Arab. Sering kita mendengar Orang Iran, Orang Afghanistan, Orang Turki atau juga orang Kurd digolongkan sebagai Orang Arab. Sudah tentu ada Orang Arab di Negara Iran, Turki dan Afghanistan tetapi golongan yang tersebut diatas tidak boleh di takrifkan sebagai Orang Arab. Begitu juga, di Phnom Penh, Kambohia, terdapat sebuah Masjid yang dinamakan Masjid Arab kerana dipercayai pengasas Masjid itu adalah Orang Arab.

Memang ada Orang Arab di Kambohia tetapi mereka tidak ada kena mengena dengan Masjid Arab tersebut itu. Mereka mendakwa dari golongan Ahlil Bait, keluarga Rasullallah s.a.w. Didalam konteks Pulau Pinang ramai yang menganggap Orang Arab sebahagian dari Jawi Peranakan atau Jawi Pekan atau Masyarakat Melayu sendiri. Pada tahun-tahun 1920an dan 1930an dengan kebangkitan sentimen nasionalisme isu identiti Melayu hangat diperdebatkan dan ada yang menganggap Orang Arab sebagai Darah Keturunan Arab, D.K.A., yang berbeza dari Darah Keturunan Keling, D.K.K..


Penindihan identiti di antara Arab dan Keling juga berlaku. Munsyi Abdullah merupakan contoh yang paling menonjol. Keturunan Merican muncul dari kacokan Arab dan India. Terdapat juga orang-orang keturunan Arab yang menolak identiti ke Araban mereka sama sekali sama ada secara halus atau terbuka kerana lebih senang menganggap diri mereka sebagai Orang Melayu.

Diperingkat universal definisi Arab cuba dipadankan kepada semua keadaan dimana-mana sahaja. Kamus Merriam-Webster menyebut bahawa Orang Arab lazimnya ada kaitan dengan Timor Tengah dan Utara Afrika. Kamus Oxford, pula berpandangan bahawa Orang Arab adalah keturunan Semitik yang berasal dari Semenanjung Arab dan kawasan berjiranan dan tinggal di Timor Tengah dan Utara Afrika. Menurut Kamus Cambridge, Orang Arab asal dari Asia Barat atau Utara Afrika dan menggunakan Bahasa Arab sebagai bahasa pertama. Lokasi georafis cuba digunakan untuk menyusur galur Orang Arab. Walaupun pendekatan ini tidak salah ianya tidak lengkap dan menimbulkan banyak persoalan.




Masjid di Lebuah Acheh yang di asaskan oleh Tunku Syed Hussein Idid

Definisi Arab sebenarnya kompleks dan tidak mungkin merupakan suatu entiti yang jelas dan tersendiri. Masyarakat Arab amat heterogen sifatnya dan boleh dilihat dari pelbagai sudut. Dari segi politik atau kenegaraan terdapat dua puluh dua Negara yang menganggotai Liga Arab yang sekali gus mendukung identiti Arab. Negara-negara tersebut termasuk Algeria, Bahrain, Comoros, Djibouti, Mesir, Irak, Jordan, Kuwait, Saudi, Yaman, Maghrebi, Lubnan, Libya, Mauritania, Oman, Palestin, Qatar, Somalia, Identiti Arab dinegara-negara tersebut turut dilatari oleh identiti sesebuah negara itu.



Syed Abbas merupakan tokoh Arab di Pulau Pinang



Kampung Syed yang terletak di Jalan Kelawei, Pulau Pinang

Maka timbullah gelar seperti Arab Saudi, Arab Mesir, Arab Lubnan dan seterusnya. Sekiranya kewarganegaraan dijadikan pengukur ke Araban, terdapat banyak kemajmukan dinegara-negara tersebut yang akan menafikan identiti Arab itu. Masyarakat Kurd di Syria dan Iraq, Melayu di Arab Saudi dan Berber di Algeria, sebagai contoh, bukan ethnik Arab. Disebaliknya, sekiranya penggunaan Bahasa Arab dijadikan pengukur identiti Arab maka ramai org yang bukan Arab tetapi fasih berbahasa Arab dan menggunakannya sebagai bahasa komunikasi harian akan dianggap sebagai Arab. Kewujudan ramai Orang Keristian di dunia Arab yang menghayati bahasa, budaya, ethnisiti, emosi dan kesedaran sentimen politik ke Araban yang tinggi menunjukkan seakanakan identiti Arab itu mampu dipisahkan dari Islam walaupun terdapat sarjana yang berpandangan bahawa Islam dan Arab itu tidak mungkin dipisahkan.

Masyarakat Arab di Pulau Pinang dilema dan masalah yang sama. Malah, sebagai minoriti didalam minoriti cabaran dikalangan mereka lebih genting lagi. Ada yang menafikan kewujudan Masyarakat Arab itu sendiri. Walaubagaimanapun, mungkin kebanyakan orang kurang jelas dengan siapa Orang Arab itu dan terus terperangkap dengan andaian-andaian yang tidak tepat mengenai Masyarakat Arab. Kita perlu mendapat gambaran umum yang tepat mengenai Masyarakat Arab di Pulau Pinang sebelum kita dapat melihat fenomena dan kesan proses Arabisasi dan Islamisasi.




Gambar menunjukkan kedai emas milik masyarakat Arab di Tanjung

Masyarakat Arab memang wujud di Pulau Pinang dan mempunyai sejarah perhubungan yang panjang semenjak sebelum kedatangan Francis Light lagi. Namun Masyarakat Arab in Pulau Pinang seperti Masyarakat diaspora Arab di banyak tempat lain, seperti di Timor Afrika, India, Singapura dan Indonesia bersifat heterogen. Mereka berasal dari pelbagai tempat di Timor Tengah tetapi yang paling ramai adalah dari Hadhramaut. Terjalin perhubungan yang istimewa diantara mereka dengan masyarakat Muslim tempatan. Kawin campur diantara Orang Arab dengan Orang tempatan, mahupun masyarakat pendatang yang lain berlaku sepanjang masa tetapi terdapat juga tendensi Orang Arab untuk berkahwin dikalangan keluarga. Identiti Arab diwakili oleh beberapa petunjuk asas.

Yang pertama, setiap keluarga Arab itu, malah setiap Orang Arab itu, harus mempunyai marganya. Senarai marga tersebut termasuk, Boftein, Al-Khayyat, Al-Attas, Al-Hady, Aidid, Bajunid, Jamalullail, Binhareez, Al-Habshi, Bawazir, Binsahil, Al-Mahdar, Zubaidee, Al-Junid, Rafiee, As-Shibly, Al-Mashoor, Al-Haddad, Al-Idrus, Al-Saggaf, Masri, Baghdadi, Al-Yahaya dan Mufazzal. Golongan yang terbesar dikalangan marga tersebut diatas adalah dari Hadhramaut. Yang kedua, setiap marga itu mesti ada rujukannya yang boleh di pastikan kesahihannya dengan mengesan jaringan antarabangsanya. Misalnya, Al-Attas di Pulau Pinang, harus ada 'counterpart' Al-Attas di Singapura, Mumbai atau Mekah. Kalau tidak ada jaringan ini kesahihan marga itu boleh dipertikaikan. Satu lagi, setiap marga ini harus ada acuannya di Hadhramaut, kampungnya dan kotanya. Ketiga, dikalangan golongan Sayyid, terdapat usaha, walaupun bermula dari awal Abad ke-20, untuk mendaftarkan setiap keturunan Sayyid. Sehingga hari ini ada wakil yang akan berkunjung keseluruh negeri untuk mencari dan mencatatkan kelahiran Sayyid atau Sharifah yang baru. Keempat, wujud kumpulan kecil sosial yang dianggotai oleh Orang-orang Arab yang boleh berbahasa Arab yang bertujuan untuk bersosialisasi dan bertukar-tukar maklumat dan fikiran.

Kewujudan kumpulan ini menghidupkan budaya Arab itu sendiri. Kelima terdapat beberapa institusi awam Arab yang merapatkan perhubungan dikalangan Masyarakat Arab disamping mempromosikan identiti Arab. Institusi ini termasuklah Masjid Arab di Seang Teik Road, Pertubuhan Al-Iqqak yang berfungsi seperti Al-Wehdah di Singapura, perkampungan Arab, seperti di Kampung Syed, Jalan Burma dan tanah perkuburan dan makam khusus untuk Arab sahaja. Instrumen seperti Wasiat yang ditulis didalam bahasa Arab, dengan merujuk kepada harta di negeri Arab dan disaksikan oleh Orang Arab. Contohnya, Wasiat yang dibuat oleh Abdul Rahman bin Mohamad Bajunaid pada 18 Zulhijjah, 1311 (23 Jun 1894) yang disaksikan oleh Abdullah bin Ahmad Al-Attas, dan Sheikh bin Mohamed Ali Al-sagaff. Keenam, terdapatnya dikalangan Masyarakat Arab, orang yang lahir dan membesar di negeri Arab. Ketujuh, amalan mengunjungi rumah-rumah Orang Arab secara berkumpulan setiap Eidul Fitri dan Eidul Adha.



Pelawat dari Yaman

Amalan upacara-upacara keagamaan seperti 'Haul', yang hanya dilakukan oleh Orang Arab. Kelapan, terdapat istilah-istilah Bahasa Arab dalam penggunaan bahasa komunikasi setiap hari dikalangan Masyarakat Arab yang mengingatkan mereka identiti ke-Araban mereka. Istilah-istilah seperti ummi, abu, walid, ukhti, amati, ami, jazakallahu khair, keifu, afwan, shahie, ghahwa, bamia acap diucap dan ianya menandakan identiti Arab. Akhir sekali terdapatnya anak-anak Masyarakat Arab yang di hantar untuk melawat kampong datuk nenek mereka di Hadhramaut dan seterusnya untuk mendapat pendidikan dan pendedahan budaya Arab disana.

Sebagai suatu entiti, Masyarakat Arab wujud di Pulau Pinang walaupun impaknya berbeza mengikut masa, tempat dan konteks. Walaupun terdapat fenomena baru dengan kedatangan pelancong dari negeri Arab ie Pulau Pinang dan juga pelajar-pelajar Arab yang belajar diinstitusi pendidikan tempatan seperti Universiti Sains Malaysia pertalian yang wujud dengan Masyarakat Arab tempatan agak terbatas. Arabisasi, sebagai suatu proses yang cuba menghidupkan ciri-ciri budaya Arab untuk menonjolkan identiti dan visibiliti Arab berlaku sebagai unsur kesinambungan tradisi yang sudah lama terpujuk. Ianya bukan sesuatu yang baru yang dibuat-buatkan. Mungkin Arabisasi Masyarakat Melayu dan Muslim yang mempunyai kesan yang lebih menarik.

Apabila Orang Melayu campak baju Melayu untuk berjubah, makan bertalam, memanggil ibu 'umi' dan semua kawan-kawan Muslim, 'akhi' dan berpeluk cium dipipi tiga kali bila bertemu, fenomena ini yang merupakan Arabisasi. Memandangkan wujudnya Masyarakat Arab di Pulau Pinang apakah berlaku proses Arabisasi dikalangan mereka. Apakah intipati identiti Arab di Pulau Pinang dan bagaimanakah Islam memainkan peranan mengukuh atau melemahkan identiti tersebut? Apa dia yang dimaksudkan dengan Arabisasi.?

Seperti yang kita telah lihat, walaupun identiti Arab boleh tercetus sendiri dan sememangnya ia mudah dikesan dan dipupuk, dalam konteks Pulau Pinang, ianya hanya menjadi mantap dan misali apabila ditunggakkan dengan Islam. Islamisasi adalah proses untuk mengukuhkan landas-landas Islam secara menyeluruh dengan menghadapi scenario global berpandukan nilai-nilai sejagat, sejarah Islam, Masyarakat Muslim, Al-Quran, Sunna dan kepimpinan misali dan berkesan siapa sahaja, Arab atau bukan-Arab, yang berupaya memperteguhkan shiar Islam. Walaupun Masyarakat Arab di Pulau Pinang berjaya mempertahankan identiti dan budaya Arab mereka, peranan dan kesucian Islam tetap dipupuk dan dipertahankan. Bagi Orang Arab di Pulau Pinang, budaya Arab itu jasadnya dan Islam itu 'roh'nya. Proses Islamisasi ini akan berterusan.



*Perniagaan kedai jam masyarakat Arab
satu ketika di Tanjung*